

Naib Canselor UMS bangga pencapaian atlet

► Selepas catat nama dalam Malaysia Book of Records (MBoR) bagi kategori 'The Longest Distance of Run on a Treadmill by a Group'

UB 4.2.2014 A14

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah gembira dengan kejayaan yang dilakar oleh sembilan atlet institusi pengajian tinggi berkenaan.

Sembilan atlet yang terdiri daripada pelajar Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) UMS mencatat nama dalam Malaysia Book of Records (MBoR) bagi kategori 'The Longest Distance of Run on a Treadmill by a Group'.

Mereka berjaya melakar larian sejauh 2,299.42km dalam masa 264 jam iaitu selama 11 hari bermula pada 20 dan berakhir 31 Januari di 1Borneo Hypermall, di sini.

" Sesungguhnya, pencapaian yang sangat membanggakan ini menjadi hadiah istimewa sempena sambutan 20 tahun penubuhan UMS pada tahun ini," kata Harun yang turut memuji kesungguhan atlet merealisasikan impian mencatat nama dalam MBoR.

"Rekod yang dicipta pada hari ini menaikkan nama Universiti Malaysia Sabah khususnya dan Sabah amnya," katanya yang turut menerima sijil Malaysia Book of Records yang diserahkan oleh wakilnya Nurul Huda Zakaria.

Beliau turut menggalakkan warga Malaysia khususnya pelajar UMS agar terus



SEMBILAN pelari Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial mengharumkan nama UMS dan Sabah dengan catatan rekord baharu.


mencipta nama di peringkat antarabangsa dalam aktiviti sihat seperti sukan.

"Program sebegini menjadi satu medium untuk menguji semangat juang dan keazaman pemuda-pemudi negara yang bakal meneruskan perjuangan pembangunan negara Malaysia yang kita cintai," katanya.

Harun juga berterima kasih kepada semua petugas,

penaja dan Rakan Media UMS yang turut sama membantu melancarkan program itu dan membantu mempromosikannya kepada masyarakat umum.

"Berilah semangat, doronglah diri mencapai kejayaan dan buktikan bahwasanya warga UMS mampu menggapai kejayaan yang gemilang," katanya.



(Gambar atas) PANG Tsun Kuo pada detik terakhir menamatkan larian selama 264 jam.

(Gambar kiri) MENTERI Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Jainab Ahmad Ayid berkongsi kegembiraan dengan kejayaan atlet UMS.

